KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	15/10/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI SELANGOR			

Penyahwartaan Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah

NGO dakwa status mengelirukan

Selangor digesa perjelas proses pemberitahuan dalam warta kerajaan negeri

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Kerajaan negeri digesa menjelaskan status sebenar penyahwartaan kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah di Seksyen U10, di sini yang didakwa mengelirukan.

Jurucakap Persatuan Rimba Komuniti Shah Alam (SACFS), Teckwyn Lim, berkata pihaknya mengharapkan satu pertemuan dengan EXCO Pelancongan dan Alam Sekitar, Hee Loy Sian berhubung isu itu.

"Kenyataan Loy Sian bertarikh 24 September lalu merujuk kepada sebuah lakaran peta pewartaan PW1443 dinyatakan sebagai bukti, tetapi kami tidak menemukan sebarang maklumat mengesahkan proses penyahwartaan itu sudah dilakukan.

"Jadi, lebih baik jika kami dapat bertemu dengan Yang Berhormat (YB) dan pihak YB beri satu tarikh janji temu awal supaya kekeliruan isu ini dapat dijelaskan segera," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyerahkan permohonan janji temu itu kepada wakil pejabat EXCO itu di pintu masuk utama Bangunan SUK, semalam.

Lim berkata, dalam Enakmen Perhutanan Selangor 1985, penyahwartaan hutan simpan kekal wajib diterbitkan dan disempurnakan melalui proses pemberitahuan di dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor.

"Undang-undang menyatakan semua penyahwartaan hutan simpan kekal wajib diterbitkan dalam Warta Kerajaan Negeri, tetapi peta PW1443 itu tidak pernah diterbitkan, sama ada dalam Warta Kerajaan Negeri, surat khabar atau apa juga media.

"Oleh itu, ia adalah salah untuk menyatakan PW1443 adalah bukti penyahwartaan Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah.



Lim (dua dari kanan) menyerahkan memorandum kepada wakil pejabat EXCO Pelancongan dan Alam Sekitar Negeri Selangor di pintu masuk utama Bangunan SUK, Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)

"Kami juga mendapatkan satu salinan peta terbitan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Selangor bernombor PW1443. Walaupun peta ini memang menunjukkan kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah, ia tidak sama dengan kandungan dokumen Pemberitahuan Warta yang diterbitkan dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor 2006," dakwanya.

Lim berkata, SACFS juga mendesak untuk arahan henti kerja dilaksanakan di kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah sehingga penyelesaian masalah itu dan kata putus dikeluarkan.

Pada 24 September lalu, Loy Sian memaklumkan projek pembangunan berhampiran Bukit Cerakah dan Hutan Komuniti Shah Alam berada di luar kawasan hutan simpan kekal.

Katanya, kawasan hutan simpan kekal yang paling hampir dengan pembangunan itu adalah HSKBC dan Hutan Simpan Bukit Cerakah Tambahan.

"Hutan simpan ini dinyah warta beberapa kali sejak 1976 bagi tujuan pembangunan seperti Bandar Puncak Alam, Alam Budiman, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam dan lain-lain. Kini, Hutan Simpan Bukit Cherakah yang masih kekal adalah seluas 1,298.86 hektar dan masih diuruskan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dalam kelas Hutan Perlindungan," katanya.